MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 21 NOVEMBER 2017, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1353-MQT0207

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Malaysia kini semakin dikenali bukan sahaja sebagai Negara Islam Contoh kerana prinsip Wasatiyyah yang diperkenalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi juga selaku peneraju dalam pelbagai inisiatif patuh syariah seperti industri halal, ketika ini industri halal terletak di bawah JAKIM dan MITI, sistem kewangan Islam dan perbankan Islam di bawah Kementerian Kewangan, wakaf pula di bawah pentadbiran negeri-negeri, Ar-Rahnu di bawah KPDNKK dan lain-lain. Adakah Kerajaan bersetuju sekiranya keseluruhan inisiatif yang melibatkan instrumen dan sistem patuh syariah ini diperkasa dan disatukan di bawah satu pentadbiran bagi menyelaras satu agenda negara sebagai peneraju dunia dalam pelbagai inisiatif patuh syariah.

2. PR-1353-MQT0208

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci apakah punca yang menyebabkan banjir yang teruk berlaku di Bandar Seremban, Taman Jesper Jaya, Taman Mutiara Galla dan sekitarnya pada 10 November 2017 serta tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menebat banjir dan memastikan bantuan wang ihsan diberikan kepada semua mangsa yang terjejas.

PR-1353-MQT0211

3. **Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah prestasi francais tempatan dan jumlah sebenar nilai transaksi francais tempatan sepanjang tempoh 5 tahun yang lalu serta bagaimanakah Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF) telah berjaya memanfaatkan pembangunan francais tempatan.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 21 NOVEMBER 2017, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 51

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1353-L03978
Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah Kementerian khususnya Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mencapai sasaran negara mempunyai lebih 2,000MW penjanaan tenaga daripada sumber tenaga boleh baharu (RE) menjelang tahun 2020 dan nyatakan impak Projek Solar Bersekala Besar (LSS) dalam menangani kos penghasilan tenaga daripada batu arang yang tidak menentu.

2. PR-1353-L03704
Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah memperkukuhkan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di kalangan pelajar sekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

3. PR-1353-L03049
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

   (a) apakah jenis-jenis komoditi keluaran negara seperti "kopi tenom" dan "beras bario" yang dipasarkan di luar negara; dan

(b) apakah jenis-jenis produk asli keluaran Malaysia dengan perisa Malaysia yang dipasarkan di luar negara dan sejauh manakah usaha dan kejayaan penyelidikan dan pembangunan produk-produk tempatan oleh Malaysia External Trade Development Corporation - MATRADE.

4. PR-1353-L04099

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) berikan angka-angka pendapatan perkhidmatan di Pelabuhan Klang setiap bulan tahun ini dibanding dengan tahun-tahun yang lepas ; dan

(b) adakah terdapat beberapa buah syarikat marin antarabangsa telah memindahkan operasi perniagaan mereka dari Pelabuhan Kelang ke Pelabuhan Singapura .

5. PR-1353-L03996

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pelan dan strategi Kementerian bagi meningkatkan pengeluaran dan eksport komoditi utama negara seperti minyak sawit, getah, dan lada supaya negara kita masih menjadi pengeluaran utama dunia.

6. PR-1353-L03849

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan projek-projek pembangunan semula Projek Perumahan Awam di Kuala Lumpur, tarikh-tarikh permulaan projek, pemaju-pemaju yang dipilih dan tawaran yang akan diberikan kepada penyewa dan pemilik sedia ada PPA tersebut.

7. PR-1353-L03389

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang membuka sebuah Mini RTC di Kuala Tahan bagi memperkasa ekonomi serta memudahkan penduduk setempat berurusan dengan agensi Kerajaan terutamanya bagi penduduk di Hulu Tembeling .

8. PR-1353-L03530

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa penulis Muslim terkenal dari Turki, Mustafa Akyol, ditangkap dan ditahan selama satu malam.

9. PR-1353-L02891

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

(a) jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi negeri Sabah dan Sarawak dan bagi membantu pekebun kecil dalam program penanaman semula kelapa sawit; dan

(b) bagi membantu pekebun kecil untuk memulakan penanaman atau menanam semula lada hitam.

10. PR-1353-L02949

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan persiapan terakhir oleh Konsultan yang dilantik dan perkembangan pembinaan kompleks sekolah di Taman Pelangi Semenyih, Hulu Langat yang telah diluluskan dalam RMK-11, rolling plan 1.

11. PR-1353-L03654

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasil perbincangan Kementerian bersama Institut Jantung Negara (IJN) berkenaan kaedah penetapan bayaran yang digunakan sebelum ini perlu diubah supaya tiada aduan mengenai kos rawatan yang tinggi berbanding kos di hospital Kerajaan lain yang menyediakan perkhidmatan rawatan sama.

12. PR-1353-L03258

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) apakah tindakan pihak Kementerian untuk menjaga kebajikan guru pelatih yang berkhidmat di sekolah tanpa elaun dan guru biasa yang memegang semakin banyak tanggungjawab berbanding tugas hakiki ; dan

(b) hasil Program Rintis Pemantapan Profesion Guru (PPG) dalam meringankan beban guru. .

13. PR-1353-L03772

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berjaya memberi satu gelombang perubahan dalam kempen membanteras rasuah dalam negara:-

(a) sejauh manakah Kerajaan melihat akan peranan dan cadangan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) ini dapat membantu SPRM untuk memperkasakan lagi usaha memerangi rasuah; dan

(b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan kewujudan JITN ini dapat memacu SPRM sebagai sebuah badan penguat kuasa yang bebas dan lebih berintegriti.

14. PR-1353-L03440

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan menyokong cadangan Maju Holding yang ingin mengambil alih Lebuh Raya Utara Selatan dan mengekalkan tol selama dua puluh tahun. Apakah kelebihan dan kelemahan cadangan ini dan sama ada ia memanfaatkan rakyat.

15. PR-1353-L03243

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan pengeluaran kad pengenalan baharu sebagai tambahan kepada warganegara Malaysia di Sabah untuk tujuan menyaring pendatang tanpa izin yang memiliki kad pengenalan palsu atau memilik kad pengenalan melalui cara tidak sah.

16. PR-1353-L02931

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan permohonan MTUC untuk menambah 0.7% ke atas semua pencarum sedangkan dimaklumkan KWSP mencapai keuntungan bagi tahun 2016.

17. PR-1353-L04146

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu sekolah-sekolah daif di kawasan pedalaman negeri Sarawak terutamanya Bintulu; dan

(b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan yang rapi untuk membantu sekolah-sekolah berasrama di kawasan luar bandar yang masih serba kekurangan dari segi prasarana dan kelengkapan sekolah.

18. PR-1353-L04057

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos keseluruhan terperinci yang dibayar untuk rombongan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat untuk bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat dan sama ada kos-kos tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

19. PR-1353-L02814

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan faktor-faktor Malaysia sebagai pelaku global yang berpengaruh dan berkesan terutama dalam isu keselamatan dan kestabilan politik serantau terutama di ASEAN.

20. PR-1353-L03290

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

(a) jumlah cukai pelancongan (Tourism Tax) yang dikutip sejak ia dilaksanakan dan berapakah jumlah yang dikutip dari Sarawak ; dan

(b) berapakah peratus hasil yang dikutip akan dikembalikan kepada kerajaan Sarawak.

21. PR-1353-L03548

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan isu pembatalan lesen UBER di London kerana beberapa faktor tidak akan berlaku di Malaysia.

22. PR-1353-L03771

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengikut jawapan yang diberikan pada sesi Parlimen 2013, Fasa 2 Kajian Pengurusan Air Ribut dan Pelan Induk Sistem Saliran Bandaraya Kuching dan Kota Samarahan yang meliputi kawasan Batu Kitang, Jalan Kuching-Serian, Sungai Kuap dan Kota Samarahan dianggar akan dilaksanakan dalam tahun 2016 hingga 2017. Nyatakan secara terperinci status pelaksanaan projek tersebut mengikut jadual mahupun pelan-pelan yang sedia ada.

23. PR-1353-L02873

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah kerja-kerja bina baru loji air Pitas 2 dapat dimulakan memandangkan daerah ini menghadapi krisis bekalan air bersih yang serius kerana loji air yang sedia ada kerap kali mengalami kerosakan yang menyebabkan gangguan bekalan air kepada penduduk setempat.

24. PR-1353-L03160

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status permohonan pendaftaran Pakatan Harapan yang telah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan (RoS) sejak Julai 2017 .

25. PR-1353-L03928

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membaik pulih jalan-jalan Jiwa Murni yang telah rosak teruk di Sarawak termasuk di Parlimen Limbang.

26. PR-1353-L03412

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia tentang empat buah universiti, iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Limkokwing University of Creative Technology, Binary University of Management & Entrepreneurship and SEGI University yang telah disenarai hitamkan oleh Kerajaan Oman.

27. PR-1353-L03913

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk membantu pemandu-pemandu teksi berdaftar sedia ada, dalam menangani kewujudan GRAB dan UBER agar mereka juga dapat bersama-sama meraih manfaat atau sekurang-kurangnya pendapatan mereka tidak terjejas.

28. PR-1353-L03610

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang telah diberi tawaran kursus perubatan dan pergigian bagi tahun 2017. Berikan maklumat ini secara terperinci berdasarkan IPTA dan pecahan kaum.

29. PR-1353-L03723

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemajuan cadangan rakyat Malaysia memasuki Amerika Syarikat tanpa visa, bilakah ia akan dilaksanakan. Sebab kelewatan dan apakah langkah-langkah yang masih belum diselesaikan.

30. PR-1353-L04024

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengekalkan legasi pencapaian semua mantan Perdana Menteri dan tidakkah usaha mempromosi TN50 bagi menafikan Wawasan 2020, menubuhkan RCI Kerugian Forex Bank Negara dan menutup Litar Formula One Sepang adalah usaha mengetepikan sumbangan dan pencapaian Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir bin Mohamed.

31. PR-1353-L04129

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa tiada lagi lesen pukat tunda dikeluarkan demi mencapai sasaran penghapusan pukat tunda pada tahun 2020.

32. PR-1353-L03966

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penyelesaian kepada sistem perparitan terancang yang tidak pernah wujud dari Tg. Lumpur ke Kempadang, sejak selepas jambatan Tg. Lumpur di buka pada penghujung tahun 1996. Masalah banjir kilat wujud terutama apabila kawasan tersebut kini pesat dibangunkan .

33. PR-1353-L02888

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina satu UTC di Pekan Kapit.

34. PR-1353-L03051

Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) bilangan dan peratus pemilik saham PNB pada akhir tahun 2009 & akhir September 2017 mengikut jenis saham seperti ASB, ASB2, ASM, Wawasan dan lain-lain mengikut mengikut kaum ; dan

(b) kumpulan pemilikan unit iaitu bawah 1000 unit, 1000-4999 unit, 5000-9999 unit, 10000-99999 unit, 100000-200000 unit, 200001-400000 unit, 400001 dan ke atas serta usaha untuk menambah saham yang dimiliki oleh golongan bawahan itu.

35. PR-1353-L03738

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (SDFC) untuk melahirkan modal insan berkemahiran dan berapakah jumlah perintis yang telah berjaya dilahirkan.

36. PR-1353-L02856

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan penyelesaian Kementerian untuk membantu warga negara Malaysia yang masih belum mempunyai dokumen kad pengenalan dan sijil lahir kerana kekurangan maklumat dan sebab-sebab teknikal yang lain yang melibatkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

37. PR-1353-L03162

Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-:-

(a) tahap keyakinan rakyat terhadap pertanian sebagai sektor yang menguntungkan khasnya dari kalangan generasi belia; dan

(b) sejauh manakah kualiti dan keselamatan produk pertanian di pasaran tempatan.

38. PR-1353-L03540

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan dan tindakan terus menyuburkan Budaya Ilmu dalam siaran-siaran televisyen dapat diterjemah secara amali sehingga membentuk peribadi berakhlak mulia di kalangan pemimpin dan warga masyarakat dan negara bebas rasuah.

39. PR-1353-L03088

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) kerana gagal mendaftar dan memiliki Enforcement Card (E-Kad) dan jumlah majikan yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

40. PR-1353-L03517

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah wajar Kerajaan menubuhkan Jabatan-Jabatan baru seperti Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) walaupun SPRM sudah diwujudkan, sedangkan peruntukan-peruntukan untuk Kementerian kini telah banyak dipotong dan dana penubuhan-penubuhan Jabatan baru ini boleh disalurkan kepada Kementerian-Kementerian yang memerlukan.

41. PR-1353-L03485

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan cara meningkatkan perkhidmatan internet di kawasan Perbandaran Sandakan.

42. PR-1353-L03963

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan laporan tentang isu penyeludupan manusia melalui sindiket visa pelajar seperti yang dilaporkan oleh portal R.AGE.

43. PR-1353-L02998

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah kesan pembangunan projek ECRL terhadap biodiversiti di kawasan hutan simpan serta apakah perancangan Kementerian dalam memastikan setiap projek pembangunan yang dilaksanakan tidak mengancam ekosistem di kawasan tersebut.

44. PR-1353-L03223

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan persediaan angkatan tentera Malaysia yang berada di Arab Saudi untuk menyelamatkan rakyat Malaysia di Yaman di mana keadaan di sana makin buruk.

45. PR-1353-L03364

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

(a) apakah langkah oleh Kementerian untuk mengukuhkan harga lada yang telah turun merundum baru-baru ini; dan

(b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan Social Safety Net untuk penanam lada di seluruh negara semasa harga lada turun.

46. PR-1353-L03820

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan dalam memastikan rakyat memanfaatkan media sosial rasmi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai sumber rujukan sahih dan cepat dalam menghadapi bencana seperti banjir. Nyatakan jumlah pembaca dan pengikut Portal, FB dan Twitter NADMA.

47. PR-1353-L03133

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kekuatan isyarat penerimaan internet terutamanya di luar bandar Sarikei.

48. PR-1353-L03763

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis pelaburan dan jumlah-jumlahnya yang akan dibuat oleh KWSP (EPF) dalam Amerika Syarikat yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam lawatan beliau baru-baru ini ke negara itu.

49. PR-1353-L03174

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan perpindahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu seperti dicadangkan oleh MAVCOM secara terperinci dengan butiran kos anggaran, lokasi pilihan dan lain-lain.

50. PR-1353-L02799

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan meningkatkan pelaburan di Amerika Syarikat bertentangan dengan peraturan Kementeriannya sendiri.

51. PR-1353-L03666

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil atau hukuman terhadap bot nelayan negara asing yang menceroboh perairan negara dan mencuri hasil laut negara.

52. PR-1353-L04151

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar bahawa Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) berminat menjual ekuiti kepada Martua Sitorus dan Peter Sondakh dari Indonesia. Bagaimana penjualan ekuti ini akan membantu FGV. Bilakah perjanjian ini dijadualkan berlaku.

53. PR-1353-L(5)00024

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah rumah mampu milik yang akan dibina oleh Kerajaan di kawasan Miri dalam tahun 2018 untuk membantu orang muda yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah pertama mereka ; dan

(b) apakah anggaran harga atau kos rumah mampu milik yang akan dibina oleh Kerajaan di Miri dalam tahun 2018 , jika ada .

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2018 (D.R.38/2017) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 seperti berikut :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (21 November, 2017)

2.	(D.R.40/2017)	Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2017 **[Menteri Kewangan]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R.42/2017)	Rang Undang-Undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2017 **[Menteri Kewangan]**	**"**
4.	(D.R.41/2017)	Rang Undang-Undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2017 **[Menteri Kewangan]**	**"**

5. (D.R.35/2017) Rang Undang-Undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (26 Oktober, 2017)**

[Menteri Kesihatan]

6. (D.R.36/2017) Rang Undang-Undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

7. PR-1353-U(27)008
Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut:

Pindaan Seksyen 2

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali" dengan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga puluh tahun atau denda melebihi satu ratus ribu ringgit atau sebatan satu ratus kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah Syariah."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

8. PR-1353-U(27)070
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, terdapat banyak tapak-tapak warisan yang terdapat di negara ini mempunyai nilai-nilai sejarah, potensi ekonomi dan keunikan yang boleh dijadikan sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

Dewan ini hendaklah juga mengambil maklum bahawa Taman Kinabalu (Kinabalu Park) dan kawasan pemuliharaan Lembah Danum (Danum Valley conservation area) adalah antara kawasan yang mempunyai potensi yang baik untuk dijadikan sebagai "UNESCO Global Geopark" dan "UNESCO World Heritage Site".

Dan mengambil maklum juga bahawa, dengan mensasarkan Taman Kinabalu sebagai UNESCO Global Geopark dan kawasan pemuliharaan Lembah Danum sebagai UNESCO World Heritage Site yang ke-3 buat negara Malaysia (selepas taman negara gunung Mulu dan taman negara Kinabalu), negara dengan secara langsung akan dapat menempatkan namanya di kaca mata dunia sama ada dari segi pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar selain menjadi destinasi pelancongan ulung di rantau ini.

Maka, bagi mencapai matlamat ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan hendaklah segera mengambil segala usaha dan tindakan yang perlu agar usaha yang dibuat oleh Kerajaan negeri Sabah bagi matlamat ini segera dapat dicapai."

[Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan]

9. PR-1353-U(27)071
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pewujudan dan pembinaan muzium warisan sesebuah masyarakat adalah merupakan satu bahan utama dalam menjaga bahan sejarah dan juga warisan mereka.

Dan mengambil maklum juga bahawa masyarakat cina telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan fizikal dan juga ekonomi negara malaysia sejak penubuhan negara ini khasnya di negeri Sabah.

Dan mengambil maklum juga bahawa masyarakat cina di Sabah bersama dengan rakyat tempatan telah "mengalirkan darah" mereka untuk mempertahankan negara ini terutama sekali dalam gerakan "Kinabalu Guerrilas" menentang pendudukan Jepun ketika perang dunia kedua, "Brunei Rebelion" dan "konferentasi", dimana mereka berkhidmat sebagai polis, tentera dan rangers pada ketika itu.

Dalam proses pembentukan negara ini, banyak peninggalan atau warisan masyarakat cina, yang tidak tersimpan, terpulihara atau didokumentasikan, maka tempat terbaik bagi tujuan ini adalah dengan menubuhkan muzium warisan masyarakat cina di Sabah khas.

Dan mengambil maklum juga bahawa negara asing seperti Indonesia juga telah membina muzium warisan hakka (cina) di Jakarta bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan masyarakat cina dalam pembangunan negara Indonesia.

Maka, bagi menghargai dan mengingati jasa masyarakat cina di negeri Sabah khasnya, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa kerajaan Malaysia hendaklah dengan segera menimbangkan untuk menubuhkan dan membina "muzium warisan masyarakat cina" di negeri Sabah agar ianya menjadi satu lagi tapak sejarah pembangunan negara."

[Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan]

10. PR-1353-U(27)072
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penggunaan bahan bungkus dan bag hasil keluaran plastik adalah lebih banyak membawa kemudaratan kepada manusia dan alam sekitar berbanding dengan manfaatnya.

Dan mengambil maklum juga bahawa semua jenis plastik adalah tidak mesra alam dimana hasil kajian mendapati bahawa plastik yang tertanam di bumi akan mengambil masa, tidak kurang daripada 25 tahun untuk terurai disamping merosakkan tanah dan saliran air/ sungai dan alam sekitar.

Dan mengambil maklum juga bahawa, bahan-bahan plastik ini juga merupakan antara punca penyebab kejadian banjir dimana ianya menyebabkan parit dan longkang tersumbat.

Dan mengambil maklum juga bahawa, terutama sekali di kawasan pantai, terdapat banyak sampah-sampah plastik yang terapung dan menjadikan tepi-tepi pantai hodoh dan kotor. Selain itu, bahan plastik yang terlepas ke lautan banyak merosakkan terumbu karang dan hidupan marin, terutama sekali penyu yang memakan bahan plastik kerana difikirkan sebagai obor-obor.

Maka, bagi menangani perkara-perkara yang boleh memudaratkan kehidupan manusia, alam sekitar dan hidupan marin, maka dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa penggunaan semua jenis pembungkus dan bag pembungkus berasakan plastik diharamkan."

[Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar]

11. PR-1353-U(27)073
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Chinese Independent School di Malaysia menjalankan taksiran peperiksaan persekolahan mereka melalui sijil yang dikenali sebagai Unified Examination Certificate (UEC) yang mana dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Unified Examination Certificate - Junior Middle (UEC-JML), Unified Examination Certificate Vocational (UEC-V) dan Unified Examination Certificate Senior Middle (UEC-SML).

Dan mengambil maklum juga bahawa, persijilan UEC telah pun digunapakai dalam persekolahan oleh United Chinese School Committees Association of Malaysia sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1975.

Dan mengambil maklum juga bahawa sijil UEC yang diperkenalkan oleh UCSCAM ini telah diiktiraf oleh universiti di serata negara seperti di United Kingdom, United States of America, Taiwan, Hong Kong, China, Australia, Canada, Singapore dan lain-lain negara.

Dan mengambil maklum juga bahawa malangnya, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau secara khususnya, Lembaga Akreditasi Negara tidak mengiktiraf sijil UEC ini terutama sekali bagi kemasukkan ke universiti awam Malaysia, walaupun National University of Singapore yang berkedudukan tempat ke-empat universiti terbaik di dunia mengiktiraf sijil UEC ini.

Dan mengambil maklum juga bahawa dengan ketiadaan pengiktirafan yang dimaksudkan di atas, negara Malaysia secara tidak langsung mengalami kerugian yang besar dimana pemegang sijil UEC ini terpaksa meneruskan pendidikan tinggi mereka di luar negara di mana aliran wang keluar daripada negara ini dan juga kecenderungan lepasan sijil UEC ini untuk terus berkerja di luar negara adalah tinggi, di mana dalam hal ini negara Malaysia akan kerugian "aliran keluar" tenaga mahir ke luar negara.

Maka, bagi menangani masalah ini, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera mengiktiraf sijil Unified Examination Certificate bagi manfaat negara."

[Menteri Pendidikan]

12. PR-1353-U(27)074
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid dan graduan di negara ini adalah pada tahap yang amat minima dan keadaan ini telah menjadikan sumber tenaga manusia negara ini kurang berdaya saing di luar negara.

Dan mengambil maklum juga bahawa, kebanyakkan bahan-bahan rujukan untuk pengajian yang terdapat di atas talian dan buku-buku rujukan adalah dalam bahasa Inggeris.

Mengambil maklum juga bahawa oleh kerana tidak dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan baik, sumber tenaga manusia dan para graduan dari negara Malaysia tidak berpeluang untuk berkerja dan bersaing di peringkat global.

Dan mengambil maklum juga bahawa sumber tenaga manusia daripada negara-negara yang membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pembelajaran mereka, misalnya negara Filipina, adalah lebih mendapat pasaran tenaga kerja di peringkat antarabangsa.

Mengambil maklum juga bahawa, Kerajaan hendaklah mengambil kira saranan ramai ibubapa, agar Kerajaan mewujudkan sekolah menengah dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bagi membolehkan anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris dengan baik agar keboleh-pasaran anak-anak mereka dipertingkatkan.

Mengambil maklum juga bahawa sekolah menengah La Salle Tanjung Aru Sabah telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sejak penubuhannya pada tahun 1903 sehinggahlah dimansuhkan pada lewat tahun 1970an.

Maka, bagi menangani masalah ini, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera meluluskan penubuhan sekolah menengah aliran bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya satu sekolah menengah di setiap kawasan Parlimen sebagai permulaan dan bagi kawasan Parlimen P.173 Putatan, sekolah menengah La Salle Tanjung Aru sebagai perintis."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1353-U(27)077
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] akan mencadangkan :-

"Bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya melaksanakan pendaftaran pengundi secara automatik mengikut data di Jabatan Pendaftar Negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

14. PR-1353-U(27)078
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] akan mencadangkan :-

"Bahawa pengambilan pekerja asing dikurangkan serta merta untuk memberi peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan."

[Menteri Sumber Manusia]

15. PR-1353-U(27)079
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] akan mencadangkan :-

"Bahawa Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia diaktifkan semula untuk memajukan penggunaan Bahasa Melayu."

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1353-U(27)081
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa bahawa Laporan penuh Jawatankuasa Siasatan Bebas mengenai kejadian kebakaran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 25 Oktober 2016 hendaklah diumumkan untuk makluman dan pengetahuan rakyat tentang punca-punca berlakunya kebakaran tersebut.

Kerajaan juga didesak untuk menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah dan mengelakkan tragedi kebakaran berulang lagi di mana-mana hospital atau pusat perubatan. "

[Menteri Kesihatan]

17. PR-1353-U(27)082
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Menteri Pertahanan]

18. PR-1353-U(27)084
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memuatkan semua Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab, Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bertulis, serta Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat (Votes and Proceedings) bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara ke dalam portal rasmi Parlimen Malaysia untuk memastikan ketelusan Parlimen. "

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

19. PR-1353-U(27)086
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia bukan anggota kepada Konvensyen 1951 dan Protokol yang berhubung dengan Pelarian. Sungguhpun demikian, kad UNHCR diterima sebagai dokumen yang sah bagi pelarian yang datang termasuk dalam urusan bekerja secara bebas di negara ini sehingga ada usaha-usaha dalam memalsukan kad tersebut bagi melepaskan diri mereka daripada ditangkap pihak berkuasa. Maka Dewan yang mulia ini hendaklah menjelaskan tanggungjawab yang diberikan kepada pemegang kad tersebut dan sekiranya benar ianya mengizinkan pelarian yang mempunyai kad kuasa tersebut bekerja di negara ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

20. PR-1353-U(27)087
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

21. PR-1353-U(27)088
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1353-U(27)089
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membahaskan keberkesanan untuk mencegah kebakaran di Malaysia."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1353-U(27)090
Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murahan (cheap liquor) secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gejala pengambilan arak murahan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan gengsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu, kawalan dan penyeliaan terhadap kedai-kedai menjual arak perlu diketatkan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji. Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minum arak wajib diharamkan. Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat

Pemulihan Arak (PPA) di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

24. PR-1353-U(27)091
Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis DiRaja Malaysia, keluarga simati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh Pakar Perubatan Forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga simati semasa bedah siasat dijalankan."

[Menteri Dalam Negeri]

25. PR-1353-U(27)094
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya YAB Perdana Menteri dan seluruh anggota Menteri Kabinet mengisytiharkan harta dan aset mereka kepada Dewan Rakyat tiap-tiap tahun pada bulan Disember."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

26. PR-1353-U(27)096
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan selaras dengan titah Majlis Raja-Raja Melayu dimana Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dibentang dan dikaji semula di Dewan Rakyat dengan kadar segera."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

27. PR-1353-U(27)092
Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gegala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

[Menteri Pendidikan]

28. **Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani]** akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan mendesak supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung jawab terhadap Hal Ehwal Islam memanggil semua Mufti-mufti di semua negeri untuk berbincang dan membuat ketetapan bagaimana Jabatan-jabatan Agama Islam di setiap negeri mesti memainkan peranan utama dalam memerangi kegiatan judi yang makin tidak terkawal di seluruh negara.

Mufti-mufti mesti mengarahkan semua Pejabat Agama di setiap daerah mewujudkan "task force" bagi memantau kegiatan judi dan melaksanakan tugas seperti mana Pejabat Agama berjaya mengawal orang Islam yang tidak berpuasa makan di khalayak ramai."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

29. **Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Pusat lebih giat memantau kegiatan penebangan balak di negeri-negeri yang akhir-akhir ini telah mengakibatkan banjir besar dan tanah runtuh. Jabatan Hutan dan lain-lain agensi yang dipertanggung jawabkan mengawal kegiatan pembalakan mesti diberi peruntukan yang cukup serta dibantu dengan aset yang terkini agar tugas mereka lebih cekap dan efisen."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

30. **Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyokong segala usaha yang sedang giat dilakukan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad dalam memerangi rasuah di semua peringkat. Dewan juga menyokong agar peruntukan kewangan, penambahan aset dan kakitangan yang mencukupi diberikan kepada SPRM supaya segala usaha yang sedang dijalankan tidak terbantut."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

31. **Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Pengerusi MARA yang baru dilantik, Datuk Seri Awang Adek Hussin menjadi seorang Pengerusi yang tegas dan berwibawa. Beliau mesti meletakkan kepentingan Melayu dan Bumiputra teratas dan jangan melindungi sesiapa juga yang pernah melakukan penyelewengan semasa berkhidmat dengan MARA termasuk mantan Pengerusinya. Dengan pengalaman yang beliau dalam dalam berbagai bidang dan sektor rakyat sedang menanti perubahan yang bakal beliau lakukan."

[Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN RAKYAT)

TAHUN 2017	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
DR.16	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Pengurusan Perolehan Universiti :- - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) • Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	21 November 2017
DR.17	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Pengurusan Penyenggaraan Kapal / Bot • Jabatan Perdana Menteri (JPM) • Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	21 November 2017
ST.69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Bagi Tahun 2016	21 November 2017
ST.70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Agensi Inovasi Malaysia Bagi Tahun 2016	21 November 2017
ST.72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2016	21 November 2017
ST.75	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2016	21 November 2017
ST.77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2016	21 November 2017
ST.93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2016	21 November 2017
ST.98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia Bagi Tahun 2016	21 November 2017

****UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 21.11.2017 (Selasa)	1. YB Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)	1. Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Bagi Lam Wing Jung	1. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17 Baharu)**